

# Warisan Kebudayaan Tidak Ketara dan Gender

Warisan Kebudayaan Tidak Ketara



United Nations  
Educational, Scientific and  
Cultural Organization

**ichcap**

International Information and Networking Centre  
for Intangible Cultural Heritage in the Asia-Pacific Region  
under the auspices of UNESCO



JABATAN WARISAN NEGARA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



# Warisan Kebudayaan Tidak Ketara dan Gender



© Umemura Yutaka



© Said Azadi



© Fumiko Ohinata

**Translator:** Maisaraf Binti Marman  
**Proofreader:** Siti Rabia Binti Abd Rahman

## Mewujudkan Identiti Gender

Terdapat pelbagai nilai, norma dan peraturan yang ada kaitannya dengan gender dalam kalangan masyarakat, komuniti dan kumpulan. Semua ungkapan warisan kebudayaan tidak ketara menyampaikan pengetahuan serta norma yang berkaitan dengan peranan dan hubungan di antara kumpulan gender dalam sesebuah masyarakat. Oleh demikian, warisan kebudayaan tidak ketara merupakan suatu konteks istimewa bagi membentuk peranan dan identiti gender. Justeru, warisan kebudayaan tidak ketara dan pembentukan identiti gender sememangnya tidak dapat dipisahkan.

*Dalam kebanyakan masyarakat, tatacara penyediaan makanan secara tradisinya dipelopori oleh kaum wanita yang memainkan peranan utama. Amalan ini merupakan paksi kepada hubungan sosial di antara para ibu dan anak-anak perempuan mereka: anak-anak perempuan akan memerhati, mempelajari dan membantu ibu-ibu mereka melakukan tugas. Dengan memainkan peranan khusus ini berulang-kali, ia menjadi sebahagian daripada identiti mereka sebagai wanita.*



© UNESCO / Danson Siminyu



© 2008 By Ministry of Culture – Photograph: Iris Biskupic Basic



© 2008 By Ministry of Culture – Photograph: Iris Biskupic Basic

*Haiwan unta telah menjadi sebatи dengan aktiviti dan pesta tradisional dalam kalangan komuniti Badwi di Oman. Dalam seni kraftangan yang dikaitkan dengan pembiakan unta, kaum lelaki dan kaum wanita masing-masing mempunyai peranan tertentu bagi menghasilkan peralatan dan aksesori yang diperlukan. Kaum wanita kebanyakannya menghasilkan barang tenunan manakala kaum lelaki adalah pengukir kayu dan pandai besi. Pembahagian tugas yang sama turut dapat diperhatikan dalam pembuatan tradisional alat permainan kayu kanak-kanak oleh penduduk di Hrvatsko Zagorje, Croatia. Mereka menggunakan teknik yang telah diperturunkan dalam keluarga daripada generasi ke generasi. Kaum lelaki mengumpulkan pepohon lembut, kapur, kayu bic dan mapel lalu dikeringkan, ditebang, dipotong dan diukir menjadi alat permainan menggunakan peralatan tradisional. Seterusnya, kaum wanita akan menghias alat permainan tersebut dengan corak bunga-bungaan atau geometrik dan lukisan ‘dari imaginasi’.*

Capaian dan penglibatan dalam ekspresi warisan kebudayaan tidak ketara turut ditentukan oleh gender. Bagi kraf tradisional misalnya, ia kerap bergantung pada pembahagian tugas tertentu yang mana peranan gender adalah saling melengkapi.

Sebaliknya, amalan sosial, acara, pesta dan persempahan kesenian menjadi wadah untuk mengutarakan masalah dan prasangka sosial sesebuah komuniti, termasuk isu-isu berkaitan dengan peranan gender dan/atau ketidaksamarataan. Kebanyakan tradisi persempahan dan karnival. Contohnya, penukaran peranan gender dapat dijawai dengan penuh penghayatan. Dengan cara ini, komuniti dapat mencipta ruang untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan gender, membantu penghayatan dan kadangkala mencabar norma-norma gender.

## Perkembangan Peranan dan Hubungan Gender

Manusia pada umumnya, mengasimilasi dan mempelajari peranan gender sejak dari kecil lagi. Walau bagaimanapun, peranan gender adalah tidak statik. Seperti warisan kebudayaan tidak ketara, ia sering berubah dan disesuaikan dengan keadaan baharu. Komuniti saling ‘berunding’ mengenai peranan dan norma-norma gender mereka dari masa ke semasa. Kebanyakan tradisi gender yang dahulunya dipelopori secara eksklusif oleh sesuatu kumpulan gender telah mula menerima kemasukan kumpulan gender yang lain. Warisan kebudayaan tidak ketara memainkan peranan penting dalam transformasi pembentukan dan penyebaran nilai-nilai dan norma-norma berkaitan gender. Dorongan bagi mengubah sesuatu amalan adalah pragmatik seperti mencari penyelesaian bagi sesuatu masalah dan ancaman. Ia boleh menjadi prinsip bagi menggalakkan peluang yang sama rata. Sementara norma-norma gender mempengaruhi penyebaran warisan kebudayaan tidak ketara, sebaliknya warisan



© Umemura Yutaka

Dalam upacara mantera Dukun Chau Van dari Vietnam, peranan gender adalah dialihkan dengan wanita mengambil alih peranan, pakaian, perwatakan dan lain-lain yang secara tradisinya dimainkan oleh kaum lelaki. Begitu juga dengan Kabuki yang merupakan satu bentuk teater tradisional Jepun, di mana kaum lelaki yang berperan sebagai wanita dikenali sebagai 'onnagata'. Dua perwatakan utama lain adalah 'aragoto (watak kasar) dan 'wagoto' (watak lembut). Ciri-ciri pada peranan mereka adalah penyamaran gender dan keupayaan mereka mengalihkan peranan gender, menimbulkan persoalan tentang sistem gender. Persembahan Kabuki adalah berkisar tentang peristiwa sejarah dan konflik moral berkaitan hubungan cinta. Pada masa kini, Kabuki merupakan drama tradisional Jepun yang sangat popular.



© Umemura Yutaka

kebudayaan tidak ketara mempengaruhi norma-norma gender. Oleh itu, norma-norma gender dan warisan kebudayaan tidak ketara adalah saling berkaitan.

Satu lagi faktor bagi perubahan berkaitan menumpukan kepada penglibatan secara efektif dalam proses rundingan dan isu berkenaan siapa yang berpengaruh. Pembuatan-keputusan mengenai penyebaran dan perlindungan warisan kebudayaan tidak ketara tidak berlaku dalam kekosongan, tetapi terkandung dalam satu sistem yang lebih luas berkaitan gender dan hubungan kuasa. Semua norma dan perhubungan ini mengawal perilaku, hubungan dan proses perundingan. Ia kerap dipersoalkan di dalam komuniti untuk membolehkan penyertaan yang lebih luas dan perimbangan dalam hubungan kuasa.


*Tsiattista adalah suatu bentuk ‘pertarungan puitis’ di Cyprus yang mana seorang penyajak cuba menewaskan lawan dengan kebijaksanaannya menyampaikan sajak. Sejak sekian lama, Tsiattista merupakan komponen popular dalam pesta perkahwinan, pesta ria dan sambutan keramaian yang lain, yang mana orang ramai menggalakkan para penyajak untuk membuat persempahan. Secara tradisinya, hanya kaum lelaki akan menyampaikan sajak secara lisan. Kebelakangan ini segelintir kaum wanita juga telah mula membuat persempahan.*



© 2003 Larnaca Municipality – Photograph: Andreas Lakos



© 2003 Larnaca Municipality – Photograph: Andreas Lakos



*Peranan gender telah berubah dalam penyebaran penglipur lara Naqqali, iaitu satu bentuk persembahan dramatik paling tua di Iran yang memainkan peranan penting dalam semua peringkat masyarakat. Pada masa kini, wanita Naqqal mengadakan persembahan di hadapan penonton yang bercampur, iaitu sesuatu yang luar biasa kerana wanita biasanya membuat persembahan (solo) hanya untuk penonton wanita sahaja. Sehingga kini, Naqqal telah dianggap sebagai penjaga yang sangat penting bagi cerita-cerita rakyat, epik-epik etnik dan kebudayaan tradisi Iran yang mengubah kepada status sosial yang istimewa. Kini ianya boleh disertai oleh kaum wanita.*

## Kepelbagai Konsep Gender

Memandangkan warisan tidak ketara adalah berbeza dari satu komuniti ke komuniti yang lain, konsep gender juga turut pelbagai. Tiada satu pun pemahaman sejagat tentang gender. Lagipun peranan dan nilai-nilai berkaitan gender perlu dikaji melalui perspektif komuniti. Contohnya, sebahagian daripada kumpulan suku-suku pribumi Amerika Utara mengiktiraf sehingga tujuh gender yang berbeza termasuk silang-jantina (transgender) dan orang yang mempunyai dua kecenderungan.

Segelintir masyarakat Eropah dan Asia pada hari ini mengiktiraf tiga atau empat kumpulan gender. Biasanya usia dan gender adalah berkait rapat contohnya, norma-norma dan jangkaan berkaitan gender terhadap perlakuan kanak-kanak adalah berbeza dengan apa yang diaplikasikan kepada orang-orang muda dan dewasa. Oleh kerana peranan dan nilai gender berkembang dalam sesebuah masyarakat, perubahan-perubahan ini boleh membawa kepada penyesuaian dalam amalan-amalan dan ekspresi warisan kebudayaan tidak ketara.

## Kesamarataan Gender

Oleh kerana hubungan gender dalam komuniti sentiasa berkembang, mereka mewujudkan peluang-peluang ke arah kesamarataan gender dan untuk diskriminasi gender melalui amalan warisan kebudayaan tidak ketara. Kesamarataan dan tidak diskriminasi merupakan prinsip-prinsip asas hak asasi manusia. Dengan mengambil kira kesamarataan gender dan warisan kebudayaan tidak ketara, perspektif hak asasi manusia tertumpu bukan kepada perbezaan di antara peranan gender tetapi sama ada mereka menafikan maruah dan kesejahteraan mereka yang terlibat. Konvensyen bagi melupuskan diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) tidak hanya melihat pada perlakuan budaya dan amalan tradisional sahaja. Perbezaan peranan yang diberikan kepada lelaki dan wanita – sebagai cabaran, tetapi lebih pada kesan negatif yang terhasil daripadanya, seperti mengaitkan peranan stereotaip wanita yang memperkecil atau mengugat keinginan mereka.

Dari perspektif bukan diskriminasi, memang wajar untuk dipersoalkan kebenaran tuntutan ‘memelihara’ aspek-aspek berkaitan amalan budaya termasuklah secara yang tradisional dan menggalakkan diskriminasi dan ketidaksetaraan.

Tuntutan berkenaan perlu diukur ke atas hak mereka yang mungkin dipinggirkan atau ditindas disebabkan amalan-amalan tersebut. Sesetengah amalan jelas tidak dapat diterima sama sekali dari perspektif hak asasi manusia, tetapi terdapat banyak lagi yang masih samar berkaitan tahap kemudaratannya terhadap individu yang boleh menjadi sangat kompleks.

Perkara ini turut menimbulkan persoalan penting mengenai siapakah yang harus melakukannya dan bila. Berlandaskan pada prinsip bukan diskriminasi dan juga bagi kesejahteraan komuniti semua pelaku perlu terlibat termasuk kumpulan yang dipinggirkan dan/atau ditindas. Sebaliknya, kumpulan-kumpulan sosial ini berkemungkinan menyokong atau menggalakkan amalan penindasan tradisional. Alasan ini sering dikaitkan dengan fungsi sosial bagi amalan tersebut dan menggariskan kepentingan pemahaman gender yang dinamik. Malah apabila sesuatu aspek amalan itu sendiri melanggar hak asasi, ia boleh menjadi fungsi sosial yang penting.



© 2013 Cultural Heritage Administration

*Maendeleo Ya Wanake (MYWO), sebuah Pertubuhan Wanita Kenya, pernah bekerjasama dengan komuniti di mana upacara yang melibatkan mutilasi alat kelamin wanita dan membantu mereka mewujudkan alternatif bagi upacara tersebut, sambil mengekalkan aspek-aspek positif sosio-budaya ritual berkenaan. Pertubuhan wanita ini mengadakan pertemuan dengan ibu bapa, anak-anak gadis, dan ketua-ketua komuniti bagi mengumpul maklumat bagaimana mengubah tradisi tersebut. Mereka telah merangka upacara alternatif, termasuk semua aspek tradisional majlis akil baligh – pengasingan, perkongsian maklumat dan perayaan – tetapi bukan mencacatkan alat kelamin. Ia dikenali sebagai Ntanira Na Mugambo – ‘Berkhatan Melalui Kata-kata’. Apabila upacara alternatif dilakukan di Meru, Kenya, buat kali pertama hanya 12 buah keluarga dan 30 anak-anak gadis mengambil bahagian dalam pengasingan. Ramai orang dalam komuniti agak ragu-ragu dan beranggapan bahawa tradisi yang telah diubah akan hilang serta merta. Walau bagaimanapun majlis tersebut telah mendapat perhatian yang memberangsangkan dan selepas itu, MYWO mula menerima banyak pertanyaan daripada individu dan kumpulan yang berminat. Dalam masa setahun, seramai 200 buah keluarga dari 11 lokasi di Meru telah menyertai upacara alternatif tersebut.<sup>1</sup>*

Apabila membicarakan tentang diskriminasi asas-gender dalam warisan kebudayaan tidak ketara, perlu perhatian yang mendalam dibuat bagi mengelakkan pandangan yang terlalu mudah sehingga menidakkannya amalan-amalan hanya kerana bersandarkan satu kumpulan gender yang mengamalkannya. Ia merupakan satu realiti – walaupun tidak semua – segelintir besar masyarakat di seluruh dunia mempunyai amalan sosial dan budaya yang diasingkan (berdasarkan usia, gender dan kriteria lain). Ini tidak boleh dijadikan sebagai tanda berlakunya diskriminasi. Hanya melalui analisis asas-gender masyarakat boleh mengetahui sama ada warisan kebudayaan tidak ketara mereka – iaitu amalan sosial, upacara, kepandaian,

tradisi lisan, dan sebagainya – sebenarnya adalah penindasan. Lagipun, tidak semestinya pengasingan gender digunakan untuk mengenalpasti aspek penindasan.

Komitmen terhadap hak asasi manusia dinyatakan dengan jelas dalam Konvensyen Bagi Melindungi Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (semasa dan selepas) yang menegaskan bahawa hanya warisan kebudayaan tidak ketara sahaja adalah bersesuaian dengan piawaian antarabangsa hak asasi manusia yang boleh dipertimbangkan dalam skop Konvensyen tersebut (Artikel 2.1)

1. Maendeleo Ya Wanawake Organization. 2002. *Evaluating Efforts to Eliminate the Practice of Female Genital Mutilation. Raising Awareness and Changing Harmful Norms in Kenya*, Washington DC: PATH.

## Melindungi Gender

Pemahaman tentang hubungan rapat di antara hubungan gender dengan warisan kebudayaan tidak ketara boleh membuka jalan ke arah perlindungan yang efektif. Justeru, penekanan terhadap peranan utama komuniti dalam melindungi merupakan perkara yang amat penting. Memandangkan komuniti dan kumpulan adalah tidak seragam, amat penting untuk mengenalpasti kepelbagaiannya pelaku dan peranan mereka berkaitan dengan warisan kebudayaan tidak ketara, dengan memberi perhatian terhadap pertimbangan gender. Jika tidak, kemungkinan bagi perlindungan risiko yang efektif terus tidak kelihatan dan diusahakan.

Interaksi di antara gender dan warisan kebudayaan tidak ketara adalah kompleks dan hingga ke suatu tahap tertentu persefahaman dicapai melalui enakmen, amalan, penyebaran dan lain-lain. Oleh itu, pendekatan perlindungan mempunyai potensi untuk memberi impak terhadap hubungan gender, dan juga memperkuuhkan serta melemahkan status dan pengiktirafan terhadap komuniti dan anggota-anggota mereka atau sub kumpulan.

Konvensyen tersebut meramalkan beberapa kaedah perlindungan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada peringkat kebangsaan, ia merangkumi mengenalpasti dan menginventori warisan kebudayaan tidak ketara, menubuhkan institusi, rangka kerja dasar dan perundangan, dan membangunkan pelan perlindungan, penyelidikan dan mempertingkatkan kesedaran serta inisiatif-

inisiatif pendidikan. Peringkat antarabangsa, negara-negara pihak boleh memohon bantuan antarabangsa bagi melindungi dan menyerahkan pencalonan untuk dicatatkan dalam Senarai Konvensyen atau cadangan untuk Daftar Amalan Perlindungan Terbaik.

## Pengklasifikasi Gender

Isu utama bagi melaksanakan Konvensyen tersebut adalah ketiadaan sumbangan wanita dalam mewujudkan dan melindungi semula warisan kebudayaan tidak ketara. Ia termasuklah masyarakat yang dipinggirkan dan sumbangan mereka amat jarang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.<sup>2</sup> Adakalanya ruang di mana warisan kebudayaan tidak ketara daripada kumpulan yang terpinggir digubal, adalah merupakan ruang sosial yang mana masyarakat memberikan kebenaran untuk terlibat. Pengiktirafan gender terpilih dalam warisan kebudayaan tidak ketara di peringkat kebangsaan, akan membawa banyak risiko kepada kumpulan gender tertentu yang diabaikan.

*Projek Sejarah Wanita Waanyi, iaitu projek sejarah lisan yang dibangun dan dipimpin oleh Kaum Wanita Asli Australia memfokuskan pada mengiktiraf warisan yang mempunyai kaitan dengan mereka dan menangani masalah gender serta perkara-perkara berat sebelah dalam identifikasi dan pengurusan warisan. Para wanita ini mempertimbangkan bahawa kerisauan mereka tentang warisan tidak diberi perhatian yang sewajarnya atau kesahihan dalam perancangan kerajaan. Mereka telah membentuk strategi untuk memastikan suara mereka didengari dalam perundingan mengenai masa depan warisan sehingga berjaya memperolehi pengiktirafan.<sup>3</sup>*

2. Document ITH/13/8COM/INF5.c.

3. Smith, L., Morgan, A. and van der Meer, A. 2003. Community-driven Research in Cultural Heritage Management: The Waanyi Women's History Project. International Journal of Heritage Studies, Vol. 9, No. 1.



© UNESCO – Photograph: Fumiko Ohnata

### ***Inventori Gender***

Begitu juga, dalam menginventori warisan kebudayaan tidak ketara dan penyelidikan berkaitan serta pendokumentasian turut berisiko memadamkan atau memutarbelitkan sumbangan kaum wanita dan kumpulan yang dipinggirkan dalam warisan kebudayaan tidak ketara. Menurut Konvensyen tersebut, menginventori warisan kebudayaan tidak ketara perlu dilakukan dengan penglibatan menyeluruh masyarakat berkenaan. Oleh itu, latihan dan bantuan untuk menginventori berasaskan masyarakat perlu diambilkira sejauh mana penglibatan mereka benar-benar mewakili masyarakat dari aspek gender. Melalui proses ini, ruang lingkup warisan kebudayaan tidak ketara yang lebih besar dapat dikenalpasti dan sebahagian anggapan berasaskan gender yang mendasari

penyebaran dan perlindungan dapat diketengahkan.

### ***Rancangan Perlindungan Gender***

Huraian tentang pelan perlindungan untuk warisan kebudayaan tidak ketara merupakan detik penentu yang mempengaruhi ekspresi warisan kebudayaan tidak ketara tertentu pada masa hadapan. Masyarakat membayangkan mengenai kepentingan dan maksud sesuatu amalan, risiko dan ancaman di mana ia terdedah, strategi dan tindakan untuk menanganinya, dan sumber manusia dan kewangan yang berkaitan. Untuk memastikan proses ini memberi manfaat kepada semua anggota masyarakat, suara-suara kumpulan yang berlainan usia dan gender perlu diambilkira. Pada peringkat awal, komuniti itu sendiri perlu

menyatakan kefahaman mereka mengenai jantina dan peranan serta kaitannya dengan warisan. Pihak berkuasa kerajaan, organisasi masyarakat awam, institusi pendidikan dan komuniti penyelidik mungkin boleh memberikan perspektif dan pengetahuan metodologi tentang bagaimana mengintegrasikan perspektif gender dalam perlindungan. Kunci utama adalah apresiasi oleh komuniti dan bukan komuniti pelaku daripada peranan dan langkah-langkah yang berbeza – termasuk peranan dan jantina – yang menyumbang kepada pelan perlindungan yang berjaya.

### **Pembangunan Dasar Gender**

Sekiranya dasar bagi warisan kebudayaan tidak ketara diwujudkan berlandaskan pada perkaitan di antara gender dan warisan kebudayaan tidak ketara, penggubalan dasar bagi perlindungan perlu memastikan penyertaan aktif kepada kepelbagaian suara termasuk semua kumpulan gender yang berkenaan. Jika tugas ini disandarkan kepada hanya segelintir anggota masyarakat, pakar-pakar luar atau agensi-agensi negeri, ia boleh mendatangkan risiko. Penggubalan dasar harus menggalakkan pemakaian prinsip-prinsip hak asasi termasuk kesamarataan gender, pembangunan mampan dan saling menghormati dalam melindungi warisan kebudayaan tidak ketara seperti di dalam Konvensyen (Artikel 2.1), dan memastikan bahawa tindakan peningkatan kesedaran tidak akan menyumbang pada ‘mewajarkan apa-apa bentuk diskriminasi politik, sosial, etnik, agama, bahasa dan yang berlandaskan gender’, menurut Arahan Operasi 102. Instrumen-instrumen antarabangsa yang



© 2013 Agency for Cultural Affairs



© 2012 by Firoz Mahmud – Photograph: Mursid Anwar

berkaitan dengan kesamarataan gender seperti CEDAW dan Protokol<sup>4</sup> Pilihannya boleh dijadikan rujukan yang berguna. Tambahan pula, bagi menjadikan tugas-tugas dasar lebih inklusif dan efektif, ia perlu mengambil kira kepelbagaian amalan berkaitan gender yang wujud di wilayah sesebuah negeri.

4. *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women and its Optional Protocol*, see: <http://www.ohchr.org/EN/HRBodies/CEDAW/Pages/CEDAWIndex.aspx>.

### **Gender Dalam Inskripsi Antarabangsa**

Sejak dekad yang lalu, rujukan terhadap gender telah diutarakan dalam perbahasan dan keputusan jawatankuasa antara negara bagi perlindungan warisan kebudayaan tidak ketara berkaitan inskripsi. Walaupun deskripsi peranan gender telah dimasukkan dalam fail pencalonan, badan penasihat telah menyuarakan kebimbangan terhadap pencalonan gender yang kurang disebut. Sebagai tambahan, mereka telah menggalakkan negara-negara anggota untuk memberi gambaran mengenai pelaku-pelaku dan peranan mereka dalam warisan kebudayaan tidak ketara dengan memberi perhatian kepada gender.<sup>5</sup>

### **Mengarus Perdana Gender**

Sungguhpun teks Konvensyen tersebut tidak menyatakan secara jelas tentang gender, pihak berkuasa telah memberikan perhatian yang penuh terhadap isu tersebut dan memohon negara-negara anggota ‘memberikan perhatian istimewa terhadap isu-isu gender’ apabila membuat laporan berkenaan status elemen-elemen yang dicatatkan.<sup>6</sup> Susulan daripada permohonan mereka, semua bentuk dan arahan berkaitan mekanisme hubungan antarabangsa dan pelaporan berkala negara-negara pihak dalam melaksanakan Konvensyen tersebut yang kini mengandungi rujukan berkenaan gender, dan Arahan Operasi Konvensyen telah turut dipinda. Lanjutan itu, program pembangunan keupayaan UNESCO

bagi perlaksanaan Konvensyen tersebut meliputi latihan dan khidmat nasihat dasar berkaitan pendekatan responsif gender terhadap perlindungan. Pemahaman tentang hubungan di antara gender dan warisan kebudayaan tidak ketara amat penting bagi perlindungan melalui dua kaedah: ia boleh membuka jalan bagi melindungi dan memperkuuhkan langkah ke arah kesamarataan gender. Oleh demikian, mengarusperdanakan perlindungan gender bukan sahaja satu peluang tetapi ia juga tuntutan etika.

*Majlis Kebangsaan Suruhanjaya Wanita Masyarakat Mesir Untuk Tradisi Rakyat (ESFT) merupakan sebuah badan NGO bagi membantu mendokumentasikan Seni Tally dan melatih kaum wanita di Selatan Mesir untuk melindunginya. Seramai lebih 300 orang wanita telah menghadiri, program latihan dan kemudiannya diikuti dengan program yang kedua. Semasa latihan tersebut, minat mendalam kaum wanita telah mendorong mereka menghidupkan kembali warisan kebudayaan tidak ketara ini yang begitu penting kepada mereka namun semakin terabai.*

5. Document ITH/13/8COM/7.

6. Decision 9.COM 13.a in Document ITH/14/9COM/Decisions.







## Warisan Kebudayaan Tidak Ketara



The designations employed and the presentation of material throughout this publication do not imply the expression of any opinion whatsoever on the part of UNESCO concerning the legal status of any country, territory, city or area or of its authorities, or the delimitation of its frontiers or boundaries.

The authors are responsible for the choice and the presentation of the facts contained in this book and for the opinions expressed therein, which are not necessarily those of UNESCO and do not commit the Organization.

The present translation has been prepared under the responsibility of the International Information and Networking Centre for Intangible Cultural Heritage in the Asia-Pacific Region under the auspices of UNESCO (ICHCAP) and Ministry of Tourism and Culture of Malaysia.



United Nations  
Educational, Scientific and  
Cultural Organization

**ichcap**

International Information and Networking Centre  
for Intangible Cultural Heritage in the Asia-Pacific Region  
under the auspices of UNESCO



JABATAN WARISAN NEGARA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA